

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)55**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

55. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menambahkan PPR serta RMM di daerah Timur Laut?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

55. Kerajaan Negeri dalam usaha membekalkan rumah mampu milik menggunakan kaedah penguatkuasaan dasar dan merancang pembangunan secara langsung. Kerajaan Negeri melalui agensinya seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Perbadanan Ketua Menteri(CMI) dan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang membina terus Perumahan Mampu Milik. Pembangunan perumahan ini sama ada menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri ataupun melalui usahama/*joint venture* bersama pemaju swasta.

Penyediaan unit rumah sewa sebagai alternatif kepada pemilikan menjadi semakin penting di Daerah Timur Laut.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan bagi skim Program Perumahan Rakyat (PPR) yang kini dikenali sebagai Rumah Malaysia (Disewakan)-RMD di Daerah Timur Laut sejak 2017 di sebidang Tanah Kerajaan bersempadan Lot 10042 (Kota Giam), Lot 10042, Lot 10043, sebahagian Petak A, di Seksyen 1, Bandar Jelutong untuk mengatasi kekurangan ini. Kerajaan Negeri juga sedang mengenal pasti lain-lain tapak yang berpotensi dan sesuai untuk dibangunkan sebagai RMD dan juga RMM iaitu:

- (i) Tanah Kerajaan bersempadan Lot 8741, Jalan Mayang Pasir, Mukim 12 di Daerah Barat Daya;
- (ii) Tanah Kerajaan PT 741, Ujung Batu, Butterworth di Daerah Seberang Perai Utara;
- (iii) Tanah Kerajaan Lot 1061-1065, 1072-1078 dan 1084-1088, Kampung Tongkang, Mukim 14 di Daerah Seberang Perai Tengah; dan

(iv) Tanah Milik CMI Lot 20841, 20842, 20843 Mukim 13, Batu Kawan di daerah Seberang Perai Selatan.

Kekangan tanah juga mendorong Kerajaan Negeri untuk mengambil pendekatan pembaharuan semula bandar kepada skim-skim perumahan lama berdensiti rendah. Terdapat dua (2) skim di Daerah Timur Laut yang telah dikenalpasti iaitu Rumah Pangsa Padang Tembak dan Rumah Pangsa Taman Free School dimana kedua-duanya memerlukan kos pembangunan yang besar dan permohonan telah dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMK-12). Pembaharuan semula juga akan menjadi penyumbang utama RMM khususnya di Daerah Timur Laut berikutan semakin banyak skim strata rumah kos rendah melebihi usia 30 tahun seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi Soalan Lisan.

Melalui Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah/Kos Sederhana Rendah pemaju yang membangunkan unit kediaman bukan mampu milik mencecah 100 unit akan disyaratkan untuk membina sebanyak 30 peratus kandungan RMM B. Kegagalan

membina secara fizikal RMM B ini akan dikenakan bayaran sumbangan pada kadar RM120,000.00 (pemaju Pulau Pinang) atau RM150,000.00 (pemaju luar) yang membuktikan ketegasan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri kemudian meluluskan dasar perumahan yang disertai pelbagai insentif sebagai galakan kepada pemaju swasta melalui Garis Panduan Penyediaan RMM 100 Peratus yang memberi nisbah plot yang lebih tinggi yang dapat memberikan lebih unit mampu milik mengambil kira kekangan keluasan tanah yang boleh dibangunkan.

Dasar Pemilikan Kediaman/*Home Ownership Campaign* (HOC) dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah yang diluluskan pada tahun 2020 dan dilanjutkan bagi tahun 2021 sehingga Jun 2022 direncana bagi merancakkan pembangunan sektor hartanah. Sektor ini, yang terjejas akibat COVID-19, memerlukan Kerajaan Negeri untuk menawarkan pelbagai insentif bersasar kepada bakal pembeli, pemaju dan pemilik harta tanah. Usaha ini telah berjaya membekalkan sebanyak 37,785 RMM A, B dan C di daerah Timur Laut sejak 2008 merangkumi siap 17,139, dalam pembinaan 9,711 dan perancangan 10,935 unit. Angka ini

adalah sebahagian daripada jumlah keseluruhan RMM di Pulau Pinang sebanyak 126,816 (57.64%) unit RMM sejak 2008 hingga kini ke arah sasaran penyediaan 220,000 unit menjelang tahun 2030.

**LAMPIRAN A****SENARAI SKIM RMM A DAERAH TIMUR LAUT BERUSIA MELEBIHI 30 TAHUN****MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)**

1	Batu Uban	Taman Bukit Jambul Blok A,B & C	428
2	Datuk Keramat	Taman Nusantara	320
3	Paya Terubong	Sun Moon City	702
4	Sungai Pinang	Rumahpangsa Medan Tunku Blok 3	204
5	Kebun Bunga	Rifle Range Blok A	408
6	Kebun Bunga	Rifle Range Blok B	408
7	Kebun Bunga	Rifle Range Blok C	431
8	Kebun Bunga	Rifle Range Blok D	431
9	Kebun Bunga	Rifle Range Blok E	431
10	Kebun Bunga	Rifle Range Blok F	408
11	Kebun Bunga	Rifle Range Blok G	407
12	Kebun Bunga	Rifle Range Blok H	408
13	Kebun Bunga	Rifle Range Blok J	408
14	Air Itam	Rumahpangsa Kg. Melayu Blok A	506
15	Air Itam	Rumahpangsa Kg. Melayu Blok B	470
16	Seri Delima	Taman Tun Sardon Fasa 1 & 2	1096
		<b>JUMLAH</b>	<b>7,466</b>